

AmBank menyumbangkan RM100,000 kepada 100 buah keluarga

(7 pagi Borneo May 3rd) p-ct Tempatan

KUCHING: Program Pembangunan Komuniti AmBank-MyKasih yang julung kali diadakan di negeri ini menyumbangkan sejumlah RM100,000 kepada 100 keluarga terpilih yang memerlukan.

Pengerusi Kumpulan AmBank Tan Sri Azman Hashim berkata sumbangan tersebut adalah sebagai bantuan kepada para penerima untuk membeli makanan asas untuk setahun.

"Sebagai sebuah institusi kewangan, kami bukan sahaja khusus dalam perbaikan, tetapi juga berperanan dalam pembangunan komuniti dan membantu pembangunan di mana kami beroperasi.

"Kami juga menyumbang kepada komuniti tanpa mengira bangsa dan agama,

dan melalui sumbangan ini akan membantu penerima secara terus untuk mendapatkan keperluan harian," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan sempena majlis pelancaran Program Pembangunan Komuniti AmBank-MyKasih, yang diadakan di pusat membeli-belah Boulevard, di sini pada 1 April lepas.

Terdahulu, program ini dilaksanakan di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang.

Sementara Pengurusi dan Pengasas Yayasan MyKasih Ngau Boon Keat berkata pemilihan penerima untuk program tersebut adalah berdasarkan faktor seperti pendapatan isi rumah, umur serta bilangan ahli dalam sesbuah keluarga.

"Kami sebagairakankongsi dalam program ini akan memberi para penerima 'kad

"Penting ditekankan di sini bahawa program ini memastikan setiap sumbangan akan diterima oleh keluarga terpilih," katanya.

Menurut beliau, selain memberi bantuan makanan, Program Pembangunan Komuniti AmBank-MyKasih juga merancang untuk memperbaiki taraf hidup keluarga penerima melalui proses pembelajaran dan latihan kemahiran.

Manakala Pengarah Urusan Boulevard Hypermarket Dennis Lee berkata Boulevard Hypermarket akan memberi bantuan 'kad keluarga Boulevard' kepada kumpulan keluarga penerima.

"Kami sebagairakankongsi dalam program ini akan memberi para penerima 'kad

keluarga Boulevard' secara percuma agar mereka dapat menikmati harga istimewa dengan penjimatan sebanyak 5-8 peratus daripada harga yang dikhurasukan kepada ahli.

"Biasanya, kami mempunyai sebanyak 50 barang pada harga istimewa setiap hujung minggu iaitu seperti beras, minyak masak, mi, perencah, minuman dan banyak lagi," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata Boulevard Hypermarket juga akan memberi hadiah percuma kepada keluarga penerima dari semasa ke semasa.

Katanya, antara hadiah percuma tersebut ialah seperti mangkuk, pinggan, cawan, produk sampel dan minuman tin.



SUMBANGAN: Azman (kiri) menyampaikan replika cek bernilai RM100,000 kepada Pengarah Yayasan MyKasih Tan Sri Dato Seri Megat Najmuddin (kanan).